



# SIARAN MEDIA

---

## **INTERFASA SAINS DAN POLISI BIODIVERSITI DIPERKUKUHKAN MELALUI MESYUARAT MEJA BULAT BIODIVERSITI KEBANGSAAN (NATIONAL BIODIVERSITY ROUNDTABLE - NBR)**

---

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah menganjurkan Mesyuarat Meja Bulat Biodiversiti Kebangsaan (*National Biodiversity Roundtable - NBR*) pada 9 Disember 2021. NBR ditubuhkan sebagai platform untuk membincangkan dan mengukuhkan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan dalam meningkatkan pengurusan biodiversiti negara.

NBR turut memainkan peranan penting sebagai penasihat kepada KeTSA dalam melaksanakan polisi, strategi dan program berkaitan pengurusan biodiversiti khususnya melibatkan pelaksanaan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK).

Seramai 20 orang yang berkepakaran dan berpengalaman dalam bidang pengurusan biodiversiti telah dilantik oleh YB Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli sebagai Ahli NBR bagi tempoh 2021 hingga 2023. Ahli-ahli NBR terdiri daripada wakil-wakil sektor swasta, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) termasuk pertubuhan berasaskan komuniti (CSO) bagi mewakili masyarakat pribumi dan tempatan. Ahli-ahli NBR telah memilih YBhg. Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Zakri Bin Abdul Hamid sebagai Pengerusi NBR.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli dalam amanat beliau berharap supaya NBR dapat membantu KeTSA dalam mengukuhkan interfasa sains dan polisi (*science-policy interface*) iaitu pendekatan menggunakan input-input berasaskan bukti saintifik yang kukuh bagi menyokong proses membuat keputusan supaya perlindungan dan pemuliharaan biodiversiti diberi keutamaan. Beliau juga berharap NBR dapat menyokong usaha-usaha Kerajaan dalam mengarusperdanakan (*mainstreaming*) pengurusan biodiversiti merentas sektor.

Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat ini ialah tindakan-tindakan segera bagi mengelakkan kehilangan biodiversiti serta strategi-strategi bagi mengukuhkan kerjasama awam-swasta untuk menyokong program-program pemuliharaan biodiversiti.

NBR telah menyatakan komitmen untuk menyokong agenda pengurusan biodiversiti negara serta menjadi penggerak dalam meningkatkan elemen kebertanggungjawaban bersama dalam pengurusan biodiversiti negara.

## **KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**13 DISEMBER 2021**

---

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli**

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)